

14 JUN 1998

Halim-Pegawai

PEGAWAI KERAJAAN PERSEKUTUAN DIARAH TINGKATKAN KERJASAMA

KOTA BAHARU, 14 Jun (Bernama) -- Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali mengarahkan pegawai-pegawai kerajaan persekutuan supaya meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama dengan kerajaan negeri Kelantan.

Beliau berkata, hubungan dan kerjasama daripada pegawai-pegawai kerajaan persekutuan itu penting supaya Kelantan dapat maju dengan lebih berkesan.

"Setakat ini hubungan antara pegawai-pegawai kerajaan persekutuan dan negeri adalah baik tetapi perlu dipertingkatkan lagi," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat di sini, hari ini.

Abdul Halim yang dalam lawatan kerja tiga hari ke Kelantan bermula Jumaat lepas, mengadakan pertemuan lebih setengah jam dengan Nik Aziz di pejabat Menteri Besar.

"Ini kali pertama saya buat kunjungan hormat kepada Menteri Besar dan perbincangan adalah secara umum iaitu keadaan ekonomi negara sekarang serta kesannya ke atas negeri Kelantan," katanya.

Beliau berkata, pada keseluruhannya projek-projek kerajaan pusat yang diwujudkan di negeri ini dilaksanakan dengan baik.

Nik Aziz ketika ditemui pemberita, mengharapkan hubungan antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri di bawah pimpinan parti Pas bertambah baik.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Abdul Halim kerana lawatannya itu, Nik Aziz berkata ini adalah julung kalinya Ketua Setiausaha Negara melawat Kelantan sejak beliau menerajui kerajaan negeri pada 1990.

"Hubungan itu (kerajaan pusat dan negeri) bagaimanapun semakin bertambah baik sejak Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) melawat Kelantan ketika menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara KUB Berhad dan Keloil untuk melaksanakan projek Petrokimia di Pantai Senok Bachok, pada tahun lepas," kata Nik Aziz.

-- BERNAMA

BD MAI